

28/10/2003

Seri Perdana, rumah TPM makin `panas' selepas Jumaat

Kadir Dikoh

KUNJUNGAN ke Seri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya baru-baru ini mendapati sudah tiada lagi barangan cendera mata yang sebelum ini diletakkan pada sudut strategik termasuk dalam bekas kaca atau almari hiasan.

Cendera mata yang dihadiahkan sama ada oleh pemimpin negara asing atau pemimpin tempatan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dikatakan sudah dihantar ke Galeria Perdana di Langkawi untuk ditonton oleh orang ramai manakala barangan milik peribadi dibawa ke rumah peribadinya di The Mines Resort City, kira-kira 10 kilometer dari situ.

Cuma ada gambar raksasa yang romantik Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali terpampang di satu sudut pintu masuk awam pada blok bangunan bankuet dan protokol yang dibuka kepada orang ramai. Di

situlah orang ramai, yang tiada kesempatan bersua dengan Perdana Menteri boleh mengambil peluang bergambar di hadapan gambarnya yang besar itu.

Mereka yang ingin berbuat demikian dikenakan bayaran RM7 sekeping oleh jurugambar komersial yang berdaftar di situ dan siap dalam masa 10 minit menggunakan kamera digital. Orang ramai akan berebut untuk bergambar kerana kamera dan telefon bimbit digital berkamera tidak boleh dibawa masuk.

Di dalam pula, ada satu lagi gambar besar solo Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah. Orang ramai boleh melihat bilik jamuan rasmi, bilik tamu dan bilik tamu khas.

Itulah Seri Perdana yang bakal diduduki Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Jumaat ini, 31 Oktober, beliau akan mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-5, pada hari ke-5 umat Islam berpuasa (5 Ramadan) dan hari kelima dalam minggu ini (Jumaat).

Hari jadi Abdullah atau lebih mesra dipanggil Pak Lah ke-64 tahun ini pula kebetulan jatuh pada Aidilfitri akhir bulan depan (dilahirkan pada 26 November 1939).

Bagaimanapun, Pak Lah dikatakan tidak mahu tergesa-gesa untuk berpindah ke kediaman rasmi Perdana Menteri itu.

"Tak apa biarlah Dr Mahathir, jika beliau sudi, duduklah di situ untuk beberapa lama... Pak Lah tak kisah," kata pembantunya. Tetapi Perdana Menteri dikatakan mahu mengosongkan rumah itu sebaik mengundur diri.

Malah, selepas mengangkat sumpah jawatan Jumaat ini, Pak Lah akan terus tinggal di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri, yang jaraknya cuma kira-kira lima kilometer dari Seri Perdana, buat sementara bagi tempoh yang belum ditetapkan.

Bagaimanapun, belum diketahui secara rasmi sama ada Pak Lah akan membuat rumah terbuka sempena Aidilfitri di Seri Perdana kali ini atau masih

seperti biasa di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Itulah Pak Lah, seorang pemimpin yang tidak gopoh meskipun "sudah terang lagi bersuluh" kerana sudah dinamakan sebagai bakal Perdana Menteri sejak tiga tahun lalu.

Seorang rakan bergurau bahawa jika Pak Lah terus pindah ke Seri Perdana, maka kosonglah kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri di Putrajaya yang mungkin mengundang `lambaian' lebih kuat kepada pengidamnya.

"Tetapi kalau Pak Lah terus tinggal di situ dalam tempoh sebulan dua ini, bolehlah kita andaikan bahawa jawatan Timbalan Perdana Menteri itu belum diisi dengan segera," katanya.

Kini, tumpuan adalah kepada isu pelantikan jawatan Timbalan Perdana Menteri yang kosong mulai Jumaat ini dan sudah semestinya kediaman Timbalan Perdana Menteri juga lambat laun akan dihuni. Tak elok rumah dibiarkan kosong begitu lama, boleh `berhantu', kata orang tua-tua.

Pelbagai spekulasi timbul dan ada yang mengatakan bahawa Pak Lah akan menamakan segera timbalannya selepas mengangkat sumpah jawatan Jumaat ini

dan ada pula meramalkan bahawa jawatan nombor dua dalam kerajaan itu hanya akan diumumkan selepas pilihan raya umum akan datang, yang dijangka pada Disember ini.

"Tetapi Pak Lah terpaksa menamakan timbalannya lebih awal sebelum pilihan raya kerana sebagai Perdana Menteri, Pak Lah akan bergerak ke merata tempat dan beliau perlu orang nombor dua untuk membantunya seperti dilakukannya sebagai timbalan kepada Dr Mahathir selama ini," kata bekas pembantu kanannya yang kini berpindah tugas ke tempat lain.

Katanya, tanpa menamakan orang nombor dua, maka pergerakan bakal `timbalan perdana menteri' itu terhad dan akan hanya tertumpu di kawasan Parlimennya sendiri dalam pilihan raya nanti kerana tiada jawatan hierarki

yang boleh dilihat sebagai bakal pengganti Pak Lah suatu hari nanti, bagi menguatkannya dan Barisan Nasional (BN).

Ada pula yang meramalkan bahawa Pak Lah mungkin menyerahkan kepada ahli

Umno untuk menentukan iaitu melalui pemilihan pada Perhimpunan Agung Umno

akan datang dan sesiapa yang menang jawatan Timbalan Presiden parti, secara automatik dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ini dilakukan Dr Mahathir apabila melantik Tan Sri Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri setelah menang jawatan Timbalan Presiden Umno, dengan menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah pada 1981 (sekali lagi pada 1984).

Pemilihan jawatan dalam parti yang tertanggung sebelum ini akan diadakan

selepas pilihan raya umum akan datang dengan tempoh kerajaan sekarang berakhir November 2004.

Tetapi pilihan raya itu boleh diadakan bila-bila masa sebelum November 2004 sama ada bulan depan, Disember ini atau Januari, Februari, Mac mahupun April tahun depan.

Berikutan populariti Dr Mahathir dan sokongan terhadap BN masih kuat, ada pihak merasakan bahawa pilihan raya umum itu perlu diadakan lebih awal, seawal Disember ini supaya kerajaan baru pimpinan Pak Lah diberi mandat besar.

"Kita sedar faktor ini tetapi tarikh pilihan raya umum itu tidak boleh diadakan lebih lama daripada tarikh Dr Mahathir mengundur diri," kata pembantu kanan Pak Lah.

Sebagai pemimpin yang amat berhati-hati, Pak Lah sehingga kini langsung tidak mahu memberi sebarang bayangan sama ada mengenai soal pelantikan bakal Timbalan Perdana Menteri bagi menggantikannya atau pilihan raya umum akan datang.

Dalam tempoh dua tiga minggu kebelakangan ini, wartawan kerap bertanya Pak Lah dalam sidang akhbar tetapi beliau tetap berahsia meskipun di dalam hati kecilnya mungkin sudah ada petunjuk bayangan ke arah itu dan sedang membuat perkiraan sendiri.

"Nantilah dulu", "belum tiba masanya", "belum angkat sumpah lagi", "jangan buat spekulasi", "tunggulah masa sesuai", dan "lama lagi". Itulah antara kata-kata Pak Lah apabila ditanya mengenai pilihan raya, jawatan Timbalan Perdana Menteri atau pengagihan kerusi di kalangan parti komponen.

Pak Lah mungkin banyak belajar daripada kesilapan pemimpin lalu membuatnya begitu berhati-hati mengeluarkan kenyataan kerana ada lagi pemimpin yang lebih atas daripadanya iaitu Dr Mahathir.

Bekas Setiausaha Politik Dr Mahathir, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, berkata stail Pak Lah adalah menyerupai pendekatan Dr Mahathir ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri sewaktu jawatan Perdana Menteri dipegang oleh Datuk (kemudian Tun) Hussein Onn dulu.

"Ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, Dr Mahathir kurang bercakap tapi banyak masa membuat kerja. Tidak membuat kenyataan-kenyataan penting yang membabitkan dasar negara, semuanya dilakukan oleh Perdana Menteri ketika itu. Beliau tidak sekali-kali melebihi Perdana Menteri, apatah lagi menyinggung perasaan Perdana Menteri.

"Dr Mahathir adalah Timbalan Perdana Menteri yang cukup patuh dan setia kepada ketuanya. Saya juga meneliti perkembangan Pak Lah dan sejak Dr Mahathir masuk Kabinet pada September 1974 (Menteri Pelajaran), Pak Lah adalah seorang blue eye boy kepada Dr Mahathir.

"Saya masih ingat lagi masa Pak Lah menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, hampir tiap-tiap minggu Pak Lah akan datang ke Kementerian Pelajaran di tingkat 5, Federal House, Kuala Lumpur untuk berjumpa Dr Mahathir pada waktu petang. Ini dilakukannya sehingga 1978, apabila Pak Lah diberi peluang bertanding dalam pilihan raya umum," kata Megat Junid dalam bukunya Gayat yang diterbitkan pada 2001.

Malah, apabila membentuk Kabinet pertamanya selepas dua hari menyandang jawatan Perdana Menteri, Dr Mahathir menaikkan pangkat dua timbalan

menteri ketika itu menjadi menteri penuh.

Mereka ialah Pak Lah selaku Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri dan Sanusi Junid (kini Tan Sri) selaku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tumpuan sudah pasti kepada Pak Lah yang mengangkat sumpah jawatan Jumaat ini sama ada akan terus menamakan timbalannya atau terus membiarkan spekulasi mengambil tempat di ruang minda rakyat.